

Bil. S 20

**PERINTAH DARURAT (DAGING HALAL), 1998**

**ATURAN-ATURAN DAGING HALAL, 1999**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 16 dari Perintah Darurat (Daging Halal), 1998, maka Menteri Hal Ehwal Ugama, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut –

- |   |  |
|---|--|
| 1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Daging Halal, 1999 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang ditetapkan bagi mula berjalan kuatkuasanya Perintah Darurat (Daging Halal), 1998.         | Gelaran dan permulaan kuatkuasa.   |
| 2. (1) Mana-mana orang berhasrat hendak mendapatkan Permit Import Halal hendaklah memohon kepada Lembaga dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.   | Permit Import Halal.   |
| (2) Setelah menerima permohonan yang disebutkan dalam aturan kecil (1), maka Lembaga hendaklah, dalam tempoh empat belas hari, mengadakan mesyuarat mengenainya.  |  |
| (3) Korum bagi mesyuarat Lembaga hendaklah sekurang-kurangnya tiga orang ahli termasuk Pengerusi.   |  |
| 3. Jumlah daging halal yang diimport hendaklah disahkan oleh Jabatan Pertanian semasa permohonan untuk mengimport daging tersebut.  | Jumlah daging halal yang diimport hendaklah disahkan oleh Jabatan Pertanian. |
| 4. Majlis hendaklah menyelenggara senarai pusat-pusat penyembelihan luar negeri dan tempatan yang telah diperiksa oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan telah diisyiharkan layak untuk membekalkan daging halal menurut Hukum Syara'. | Senarai pusat-pusat penyembelihan yang diiktiraf.                            |
| 5. (1) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memeriksa setiap pusat penyembelihan dan hendaklah mengemukakan laporannya kepada Majlis dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.   | Pemeriksaan Jawatankuasa Pemeriksa.  |

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

(2) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memastikan bahawa penyembelih-penyembelih di pusat-pusat penyembelihan luar negeri adalah terdiri daripada orang-orang yang berugama Islam yang dibenarkan oleh undang-undang negara itu untuk menyembelih binatang menurut Hukum Syara'.

(3) Apabila mana-mana daging halal diimport, Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memeriksanya dengan serta-merta bagi memastikan bahawa daging itu adalah halal menurut Hukum Syara' dan hendaklah mengemukakan laporannya kepada Lembaga.

(4) Hendaklah ada sekurang-kurangnya dua orang pekerja tetap yang berugama Islam di setiap pusat penyembelihan di mana mereka ini hadir semasa penyembelihan binatang-binatang tersebut dan semasa pembungkusan, pengangkatan dan pengangkutan daging halal tersebut.

**Pemeriksaan  
daging yang  
diimport oleh  
pihak berkuasa  
Perubatan.**

6. Apabila mana-mana daging halal diimport, maka pegawai daripada Kementerian Kesihatan yang diberi kuasa hendaklah memeriksa daging tersebut dan mengesahkannya sesuai untuk dimakan oleh manusia.

**Sijil Halal.**

7. (1) Setiap Sijil Halal hendaklah dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Setiap pengimport dan pembekal tempatan daging halal hendaklah mempamerkan Sijil Halal semasa daging tersebut dijual.

**Tanda Halal.**

8. (1) Tanda halal hendaklah dalam rekabentuk yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(2) Setiap pengimport, pembekal tempatan dan penjual daging halal hendaklah mempamerkan Tanda halal semasa daging tersebut diimport, diangkut dan dijual.

**Lesen bagi  
daging halal  
tempatan.**

9. (1) Mana-mana orang yang berhasrat hendak mendapatkan lesen untuk membekalkan daging halal tempatan kepada orang ramai hendaklah memohon kepada Lembaga dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kelima.

(2) Setelah menerima permohonan yang disebutkan dalam aturan kecil (1) maka Lembaga hendaklah, dalam tempoh empat belas hari mengadakan mesyuarat mengenainya.

(3) Semasa menimbangkan permohonan yang disebutkan dalam aturan kecil (1), Lembaga hendaklah mengesahkan maklumat yang diberikan dalam permohonan itu dan hendaklah memuaskan hatinya

mengenai bangunan dan kesesuaian pemohon dan setelah berpuas hati, mengeluarkan lesen kepada pemohon dengan syarat-syarat yang disebutkan di dalamnya.

(4) Sebelum daging halal tempatan dijual di pasaran, pegawai daripada Kementerian Kesihatan yang diberi kuasa hendaklah memeriksa daging tersebut dan mengesahkannya sesuai untuk dimakan oleh manusia.

10. Mana-mana orang yang berhasrat hendak mendapatkan Sijil Penyembelihan hendaklah memohon kepada Pengarah Hal Ehwal Syara'iah, yang setelah berpuas hati bahawa pemohon mampu menyembelih binatang menurut Hukum Syara', akan mengeluarkan kepadanya Sijil Penyembelihan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Keenam dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalamnya.

Sijil  
Penyembelihan.

11. Lembaga hendaklah memastikan bahawa daging halal diimport dan dibekalkan setempat hanya oleh orang-orang yang memiliki kemudahan-kemudahan penyimpanan yang bersih dan mencukupi.

Kemudahan-  
kemudahan  
penyimpanan.

12. Daging halal hendaklah disimpan berasingan daripada daging tidak halal pada setiap masa, disetiap pusat penyembelihan, tempat menyimpan, membungkus ketika ia diangkat, diangkut, diimport dan dijual.

Daging halal  
hendaklah  
disimpan  
berasingan.

13. Meteri yang digunakan untuk mengunci kontena-kontena yang mengandungi daging halal yang diimport itu mestilah kukuh.

Kontena-  
kontena daging  
halal hendaklah  
dimeteri dengan  
sempurna.

14. Pengimport-pengimport dan pembekal-pembekal tempatan daging halal hendaklah orang-orang yang berugama Islam.

Pengimport dan  
pembekal  
hendaklah  
orang Islam.

15. Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memastikan bahawa binatang-binatang tersebut mestilah hidup dalam keadaan biasa (hayat mustaqirrah) ketika disembelih.

Binatang  
mestilah hidup.

16. Halqum (saluran pernafasan) dan mari (saluran makanan dan minuman) mestilah dipotong menurut Hukum Syara'.

Tatacara  
penyembelihan.

17. Semua alat yang dipakai untuk menyembelih mestilah daripada jenis yang bagus dan tajam dan bukan dibuat daripada tulang, kuku jari tangan, kuku jari kaki atau gigi.

Alat-alat untuk  
menyembelih  
hendaklah  
bagus dan  
tajam.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

- Bacaan yang dilafazkan.** 18. Kalimah "Bismillah" mestilah dilafazkan semasa binatang itu disembelih.
- Penyembelihan hendaklah dilakukan sekali sahaja.** 19. Penyembelihan mestilah dilakukan sekali sahaja dan alat yang dipakai untuk menyembelih itu mestilah jangan diangkat daripada leher binatang tersebut semasa proses penyembelihan.
- Stunning.** 20. Jika cara stunning digunakan semasa proses penyembelihan, tatacara-tatacara ini mestilah dipatuhi :
- (a) stunning itu akan mengakibatkan binatang itu pengsan untuk sementara waktu sahaja ; dan
  - (b) alat stunner adalah daripada jenis yang tidak menembusi atau memecahkan kepala binatang tersebut ; dan
  - (c) ia mestilah tidak mengakibatkan kerosakan otak kekal atau meningkatkan kematian atau kecacatan badan kepada binatang itu.
- Mengasingkan organ-organ binatang yang disembelih.** 21. Pekerja-pekerja yang berugama Islam mestilah hadir semasa binatang yang disembelih itu dilapah.
- Pemeriksaan pasar-pasar tempatan.** 22. (1) Ahli-ahli Lembaga dan Jawatankuasa Pemeriksa atau orang-orang yang diberi kuasa oleh Menteri bagi maksud ini hendaklah, dari masa ke semasa, memeriksa pasar-pasar tempatan dan tempat-tempat dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan bagi memastikan bahawa tujuan peruntukan-peruntukan Perintah tersebut dan Aturan-Aturan ini dijalankan dengan sewajarnya.  
  
(2) Semua ahli Lembaga dan Jawatankuasa Pemeriksa dan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri bagi tujuan-tujuan Perintah tersebut dan Aturan-Aturan ini hendaklah diberi kad kuasa seperti dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.
- Bayaran.** 23. (1) Bayaran bagi mendapatkan Permit Import Halal, lesen, Sijil Halal, Tanda Halal dan Sijil Penyembelihan hendaklah kena dibayar pada kadar-kadar yang ditetapkan dalam Jadual Kelapan.  
  
(2) Jumlah bayaran yang disebutkan dalam aturan kecil (1) hendaklah dikutip oleh Lembaga dan hasil kutipan tersebut hendaklah disimpan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf Am Majlis mengikut cara yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Kewangan.

24. Rampasan mana-mana daging yang diperolehi dengan menyalahi undang-undang di bawah bab 12 dan bab 13 dari Perintah tersebut hendaklah dijalankan di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Peraturan Jenayah yang berkaitan.

Rampasan  
daging yang  
diperolehi  
dengan  
menyalahi  
undang-undang  
Penggal 7.

25. Mana-mana daging yang kena dimusnahkan di bawah peruntukan-peruntukan bab 11 dari Perintah tersebut, hendaklah dimusnahkan oleh pihak berkuasa Kastam di bawah Akta Kastam dan Aturan-Aturan yang dibuat di bawahnya.

Memusnahkan  
daging yang  
diperolehi  
dengan  
menyalahi  
undang-undang  
Penggal 36.

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**JADUAL PERTAMA  
FIRST SCHEDULE**

**KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BRUNEI GOVERNMENT  
KAWALAN DAGING IMPOT  
CONTROL OF IMPORTED MEAT**

Pengerusi

*The Chairman*

Lembaga Mengeluarkan Permit Impot Halal

*Board for Issuing Halal Import Permits*

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Saya/Kami, .....

I/We,

alamat .....

(address)

memohon mendapatkan Permit Impot Halal untuk mengimpot daging halal daripada

*apply for a Halal Import Permit to import halal meat from*

..... (nyatakan nama pusat penyembelihan)  
(specify slaughtering centre)

seperti disebutkan dibawah ini:-

*as mentioned below:-*

KETERANGAN MENGENAI DAGING <i>DESCRIPTION OF MEAT</i>	JUMLAH (KG.) <i>QUANTITY (KG.)</i>	NILAI DALAM MATAWANG BRUNEI <i>VALUE IN BRUNEI DOLLARS</i>	NEGARA ASAL <i>COUNTRY OF ORIGIN</i>	CATATAN REMARKS

JADUAL PERTAMA  
FIRST SCHEDULE

PENGISYTIHARAN  
DECLARATION

Saya/Kami adalah dengan ini mengisyiharan bahawa perkara yang tersebut di atas  
I/We, hereby declare that the above is the true and correct statement of the halal meat  
mengenai dengan niat saya/kami untuk mengimpor daging halal ke Negara Brunei Darussalam  
I/We wish to import into Negara Brunei Darussalam

adalah benar dan betul.

Tarikh : .....(H)  
Date : .....(M)

Tempat : .....  
Place

.....  
Pemohon/Pemohon-Pemohon  
Applicant/Applicants

[UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA MENGELOUARKAN PERMIT IMPOT HALAL SAHAJA]  
[FOR USE OF THE BOARD FOR ISSUING HALAL IMPORT PERMITS ONLY]

**PERMIT IMPOT HALAL  
HALAL IMPORT PERMIT**

Pemohon/Pemohon-pemohon seperti nama yang tersebut di atas adalah dengan ini dibenarkan  
*The above named applicant/applicants is/are hereby authorised to import halal meat detailed*

untuk mengimpor daging halal seperti yang dinyatakan di atas daripada negara yang disebutkan. Permit  
*in the above statement from the country specified. This Halal Import Permit is valid for a period of*

Import Halal ini sah sehingga tempoh .....

Tarikh: .....(H)  
Date .....(M)

PENGERUSI  
CHAIRMAN  
LEMBAGA MENGELOUARKAN  
BOARD FOR ISSUING  
PERMIT IMPOT HALAL  
HALAL IMPORT PERMITS  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL KEDUA  
SECOND SCHEDULE

**MAJLIS UGAMA ISLAM  
RELIGIOUS COUNCIL  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**LAPORAN  
REPORT OF  
JAWATANKUASA PEMERIKSA  
INSPECTION COMMITTEE  
PUSAT PENYEMBELIHAN BINATANG  
ABOUT SLAUGHTERING CENTRE OF THE ANIMALS**

Nama dan alamat Pusat Penyembelihan:

Name and address of the slaughtering centre:

.....  
.....  
.....

Tarikh Pemeriksaan : .....

Date of Inspection

Waktu Pemeriksaan : .....

Time of Inspection

1.	Adakah Sijil/Kebenaran Menyembelih diperolehi oleh penyembelih? <i>Has Slaughtering Certificate/Authority been Obtained by the slaughterer?</i>	Ya <i>Yes</i>	<input type="checkbox"/>
		Tidak <i>No</i>	<input type="checkbox"/>
2.	Jenis binatang yang akan disembelih <i>Type of animals to be slaughtered</i>		
	Kerbau <i>Buffalo</i>	Kanibing <i>Sheep</i>	<input type="checkbox"/>
	Lembu <i>Cow</i>	Ayam <i>Chicken</i>	<input type="checkbox"/>
	Lain-lain (Sila nyatakan) <i>Others (Please specify)</i>		
3.	Jumlah binatang yang disembelih dalam sehari..... <i>Total of animals slaughtered within a day</i>		

4.	Jumlah waktu bekerja dalam seminggu : .....
	<i>Total working days within a week:</i>
5.	Nama dan nombor Kad Pengenalan / Passport para penyembelih : .....
	<i>Names and Identity Card / Pasport numbers of the slaughterers:</i>
	..... ..... .....
6.	Jumlah pekerja : .....
	<i>Total employees :</i>
	Islam : .....
	<i>Muslim</i>
	Bukan Islam : .....
	<i>Non-Muslim</i>
7.	Jenis dan bilangan alat stunning digunakan (jika ada): .....
	<i>Type and total of stunners used (if any):</i>
	..... .....
8.	Pengetahuan penyembelih mengenai: .....
	<i>Slaughterer's knowledge about:</i>
(1)	Islam secara umum .....
	<i>Islam in general</i>
(2)	penyembelihan binatang menurut hukum syarak .....
	<i>slaughtering according to hukum syara'</i>
9.	Keadaan binatang sebelum disembelih / di stunning: .....
	<i>Condition of animal before slaughtering / stunning:</i>
10.	Kaedah Stunning: .....
	<i>Stunning procedure:</i>
	Menurut Hukum Syara'                      Tidak menurut Hukum Syara'
	<i>According to Hukum Syara'</i> <input type="checkbox"/> <i>Not according to Hukum Syara'</i> <input type="checkbox"/>
11.	Kaedah penyembelihan .....
	<i>Slaughtering procedure</i>
	Menurut Hukum Syara'                      Tidak menurut Hukum Syara'
	<i>According to Hukum Syara'</i> <input type="checkbox"/> <i>Not according to Hukum Syara'</i> <input type="checkbox"/>

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

12.	Keadaan binatang sebelum: <i>Condition of animal before:</i>		
	- Direndam ke dalam air panas (jika perlu) ..... <i>Putting into hot water (if necessary)</i>		
	- Pembuangan kulit (jika perlu) ..... <i>Removal of skin (if necessary)</i>		
13.	Keadaan Pusat Penyembelihan: <i>Condition of Slaughtering Centre:</i>		
	Memuaskan <i>Satisfactory</i>	Kurang memuaskan <i>Less satisfactory</i>	Tidak menuaskan <i>Not satisfactory</i>
14.	Alat penyembelihan: <i>Slaughtering devices:</i>		
	Bagus dan tajam <i>Superior and sharp</i>	Tidak bagus dan tidak tajam <i>Not superior and sharp</i>	
15.	Kaedah penyimpanan: .....		
	<i>Storage procedure:</i>		
16.	Kaedah pembungkusan: .....		
	<i>Packaging procedure:</i>		
17.	Kaedah penghantaran: .....		
	<i>Transportation procedure:</i>		
18.	Ulasan-ulasan Jawatankuasa Pemeriksa (jika ada) <i>Comments from Inspection Committee (if any)</i>		
	..... ..... .....		
19.	Keputusan <i>Result</i>		
	Layak menurut Hukum Syara' <i>Fit according to Hukum Syara'</i>	<input type="checkbox"/>	Tidak layak menurut Hukum Syara' <i>Not fit according to Hukum Syara'</i> <input type="checkbox"/>

20. Nama dan tandatangan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pemeriksa  
*Names and signature of the Members of Inspection Committee*

1. .....
2. .....
3. .....
4. .....

Tarikh: .....[H]  
Date: .....[M]

METERAI  
STAMP  
MAJLIS UGAMA ISLAM  
RELIGIOUS COUNCIL

JADUAL KETIGA  
THIRD SCHEDULE

**MAJLIS UGAMA ISLAM  
RELIGIOUS COUNCIL  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIJIL HALAL  
HALAL CERTIFICATE**

Sijil Daging Halal bagi binatang-binatang halal yang disembelih  
*Certificate for Halal Meat from halal animals slaughtered under the*

dibawah pengawasan Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam  
*supervision of the Religious Council, Brunei Darussalam*

Keterangan mengenai daging  
*Description of meat*

No. Kontena <i>Container No.</i>	No. Meteri <i>Seal No.</i>	Pusat Penyembelihan <i>Slaughtering Centre</i>
Banyak <i>Net Mass</i>	Tanda Perniagaan <i>Trade Mark</i>	Penerima Consignee <i>Consignee</i>
Kapal/Perjalanan/ Penerbangan <i>Vessel/Voyage/Flight</i>	Pelabuhan/Lapangan Terbang <i>Port-Airport</i>	

Berdasarkan kepada pemeriksaan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa pemeriksa, adalah dengan ini  
disahkan bahawa daging yang dinyatakan di atas adalah halal menurut Hukum Syara'  
*Based on the inspection carried out by the Inspection Committee it is hereby certified that the meat  
described above is halal according to Hukum Syara'*

Dikeluarkan pada : .....

*Issued on*

Sah sehingga : .....

*Valid upto*

Tarikh : ..... [H]

Date : ..... [M]

**TANDATANGAN DAN METERAI  
SIGNATURE AND STAMP OF  
SETIAUSAHA MAJLIS UGAMA ISLAM  
SECRETARY OF RELIGIOUS COUNCIL  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

JADUAL KETIGA  
THIRD SCHEDULE

MAJLIS UGAMA ISLAM  
*RELIGIOUS COUNCIL*  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIJIL HALAL  
*HALAL CERTIFICATE*

Berdasarkan kepada pemeriksaan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pemeriksa, adalah dengan ini disahkan bahawa:

*Based on the inspection carried out by the Inspection Committee,  
it is hereby certified that:*

Keterangan mengenai daging : .....  
*Description of meat* .....  
.....

Nama Pembekal : .....  
*Name of Supplier* .....

Nama Pusat Penyembelihan : .....  
*Name of Slaughtering Centre* .....

adalah halal untuk dimakan oleh orang-orang Islam menurut Hukum Syara'  
*is halal for the consumption of Muslims according to Hukum Syara'*

Dikeluarkan pada : .....  
*Issued on* .....

Sah sehingga : .....  
*Valid upto* .....

Tarikh : .....[H]  
Date : .....[M]

TANDATANGAN DAN METERAI  
*SIGNATURE AND STAMP OF*  
SETIAUSAHA MAJLIS UGAMA ISLAM  
*SECRETARY OF RELIGIOUS COUNCIL*  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



GARIS BULATAN DALAM DAN LUAR  
LATARBELAKANG KESELURUHAN BULATAN  
TULISAN MAJLIS UGAMA ISLAM JAWI / RUMI  
TULISAN HALAL JAWI / RUMI

: WARNA HITAM  
: WARNA PUTEH  
: WARNA HIJAU  
: WARNA HITAM

**JADUAL KELIMA  
FIFTH SCHEDULE**

**KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BRUNEI GOVERNMENT  
KAWALAN DAGING IMPOT  
CONTROL OF IMPORTED MEAT**

Pengerusi

*The Chairman*

Lembaga Mengeluarkan Permit Impot Halal

*Board for Issuing Halal Import Permits*

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Saya/Kami, .....  
*I/We,*

(alamat) .....

*(address)*

memohon untuk mendapatkan Lesen untuk membekalkan daging halal tempatan kepada orang

*apply for a Licence to supply local halal meat to public from*

ramai dari .....

(nyatakan nama pusat penyembelihan)  
*(specify slaughtering centre)*

seperti disebutkan dibawah ini:-

*as mentioned below*

KETERANGAN MENGENAI DAGING <i>DESCRIPTION OF MEAT</i>	JUMLAH (KG.) <i>QUANTITY (KG.)</i>	NILAI DALAM MATAWANG BRUNEI <i>VALUE IN BRUNEI DOLLARS</i>	CATATAN REMARKS

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**PENGISYTIHARAN**  
***DECLARATION***

Saya/Kami, adalah dengan ini mengisytiharkan bahawa perkara yang tersebut diatas  
*I/We, hereby declare that the above is the true and correct statement of the local halal*

mengenai dengan daging halal tempatan yang saya/kami ingin bekalkan kepada orang ramai di  
*meat I/We wish to supply to the public in Negara Brunei Darussalam.*

dalam Negara Brunei Darussalam adalah benar dan betul.

Tarikh : .....  
*Date*

Tempat : .....  
*Place*

.....  
**Pemohon/Pemohon-Pemohon**  
*Applicant/Applicants*

---

[UNTUK KEGUNAAN LEMBAGA MENGELOUARKAN PERMIT IMPOT HALAL SAHAJA]  
[FOR USE OF THE BOARD FOR ISSUING HALAL IMPORT PERMITS ONLY]

**LESEN**  
**LICENCE**

Pemohon/Pemohon-Pemohon seperti nama yang tersebut di atas adalah dengan ini  
*The above named applicant/applicants is/are hereby authorised to supply local halal*

dibekalkan untuk membekalkan daging halal tempatan seperti yang dinyatakan di atas. Lesen ini  
meat detailed in the above statement. This licence is valid for a period of

Sah sehingga tempoh .....


Tarikh: ..... [H]  
Date ..... [M]

**PENGERUSI**  
**CHAIRMAN**  
**LEMBAGA MENGELOUARKAN**  
**BOARD FOR ISSUING**  
**PERMIT IMPOT HALAL**  
**HALAL IMPORT PERMITS**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

JADUAL KEENAM  
SIXTH SCHEDULE

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
*MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS*  
JABATAN HAL EHWAL SYARAIAH  
*DEPARTMENT OF SHARIAH AFFAIRS*  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIJIL PENYEMBELIHAN  
*SLAUGHTERING CERTIFICATE*



Adalah dengan ini disahkan bahawa .....

*It is certified that*

.....  
(nama pemohon serta alamat)  
(applicant's name and address)

.....  
alah layak menyembelih binatang menurut Hukum Syara' dan dibenarkan untuk  
*is capable to slaughter animals according to Hukum Syara' and is thus permitted to be*  
menyembelih di .....  
*slaughterer in*

.....  
(nama pusat penyembelihan)  
(name of the slaughtering centre)

bagi tempoh satu tahun daripada tarikh sijil penyembelihan ini dikeluarkan.  
*for a period of one year from the date of issue of this slaughtering certificate.*

Tarikh : .....  
*Date*

Tempat : .....  
*Place*

Tarikh: ..... [H]  
Date ..... [M]

TANDATANGAN DAN METERAI RASMI  
*SIGNATURE AND OFFICIAL STAMP OF*  
PENGARAH HAL EHWAL SYARAIAH  
*DIRECTOR OF SHARIAH AFFAIRS*  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
*MINISTRY OF RELIGIOUS AFFAIRS*  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL KETUJUH  
SEVENTH SCHEDULE

<p><b>PERINTAH DARURAT EMERGENCY (DAGING HALAL), 1998 (HALAL MEAT) ORDER, 1998</b></p> <p><b>KAD KUASA AUTHORITY CARD</b></p> <p>NAMA: ..... NAME: ..... NO. KAD PENGENALAN: ..... IDENTITY CARD NO.</p> <p>telah diberikuasa untuk melaksanakan tujuan-tujuan <i>has been authorised to carry out the purposes of the</i> Perintah yang disebutkan di atas dan Aturan-Aturan <i>above mentioned Order and Rules made thereunder</i> yang dibuat di bawahnya.</p>	<p>NO. SIRI: ...../.... SERIAL NO.</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; width: fit-content; margin: auto;"><p>GAMBAR PEMEGANG KAD</p><p>PHOTO OF THE CARDHOLDER</p></div> <p>..... Tandatangan dan Meterai <i>Signature and stamp of</i> Setiausaha Majlis Ugama Islam <i>The Secretary of Religious Council</i> Negara Brunei Darussalam</p> <p>Tarikh: ..... Date:</p>
---	---

**JADUAL KELAPAN  
EIGHTH SCHEDULE**

**BAYARAN  
FEES**

1. Permit Import Halal <i>Halal Import Permit</i>	\$50.00
2. Lesen Bagi Daging Halal Tempatan <i>Licence for Local Halal Meat</i>	\$30.00
3. Sijil Halal <i>Halal Certificate</i>	\$20.00
4. Sijil Penyembelihan <i>Slaughtering Certificate</i>	\$10.00
5. Setiap satu Tanda Halal <i>Per Halal Label</i>	\$0.02

Bertarikh hari ini 23 haribulan Zulhijah, 1419 Hijrah bersamaan dengan 10 haribulan April, 1999.

PEHIN JAWATAN LUAR PEKERMA RAJA DATO SERI UTAMA  
DR. USTAZ HAJI AWANG MD. ZAIN BIN HAJI SERUDIN  
Menteri Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam.